

## Tipologi Pengurusan Pembangunan Etnik dalam Novel Terpilih

### Typology Management of Ethnic Development in Selected Novels

MAZNIDA MAHADI, TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD ALI & MARDIAN SHAH OMAR

#### ABSTRAK

*Pengurusan pembangunan mencakupi seluruh aspek kehidupan termasuk hubungan etnik. Kajian ini menganalisis tipologi pengurusan pembangunan etnik yang terdapat dalam novel kajian terpilih. Tipologi pembangunan dilihat melalui enam ruang, iaitu alam, manusia, sosial, dunia, kebudayaan dan waktu berpandukan Teori Pembangunan yang diperkenalkan oleh Johan Galtung tentang aliran ilmu ekonomi, faktor luaran dan pendekatan rentas ruang. Objektif utama kajian adalah untuk menganalisis enam ruang tipologi berdasarkan pengurusan pembangunan sendiri watak pelbagai etnik yang ditampilkan novel-novel kajian. Kajian ini dilakukan secara deskriptif, penelitian teks secara kritis terhadap struktur karya. Dapatan memperlihatkan pengurusan pembangunan sangat penting untuk merealisasikan kod atau kosmologi sesebuah budaya, hubungan etnik, melalui ruang alam, manusia, sosial, dunia, kebudayaan dan waktu. Kesimpulannya, tipologi pengurusan pembangunan etnik dalam novel terpilih hanya mewakili sebahagian kecil realiti yang berlaku dalam masyarakat dan dalam ruang manusia. Kematangan sistem merupakan kondisi kesihatan fizikal, mental, spiritual yang akhirnya dikenali sebagai pengurusan “pembangunan manusia” atau “realisasi diri”.*

*Kata kunci: Tipologi ruang; pengurusan pembangunan; hubungan etnik; pembangunan manusia; Johan Galtung*

#### ABSTRACT

*Development management encompasses all aspects of life, including ethnic relations. The purpose of this study is to examine the typology of ethnic development management found in the selected novel. The development typology is viewed through six spaces, namely, natural, human, social, world, cultural and time, and is based on Johan Galtung's Development Theory on the flow of economic science, externalities and the approach across spaces. The study's main goal was to examine the six types of typologies based on the multi-ethnic self-management development of characters in selected novels. This research is a descriptive, critical textual analysis of the work's structure. The findings indicate that development management is critical to the code or cosmology of an ethnic relations culture in managing and developing themselves as well as the economy through natural, human, social, world, cultural and time. Finally, the typology of ethnic development management in selected novels represents only a small portion of the reality that occurs in society and human space. The system's maturity as a state of physical, mental and spiritual health is eventually referred to as “human development” or “self-realisation.”*

*Keywords: Space typology; development management; ethnic relations; human development; Johan Galtung*

#### PENDAHULUAN

Sejak abad ke-15, ketika zaman Kerajaan Melayu Melaka wujud, telah terbentuknya pemajmukan masyarakat di Malaysia. Kemasukan besar-besaran pelbagai kaum dan bangsa, Cina dan India khususnya, telah merancakkan aktiviti ekonomi dan pembangunan Kerajaan Melayu Melaka sekali gus menunjukkan wujudnya hubungan sosial antara pelbagai kaum, etnik dan budaya. Persoalannya, sejauh manakah masyarakat Malaysia sedar tentang hal ini? Apakah medium atau mekanisme yang sesuai digunakan? Kajian ini sendiri dilakukan untuk

meneliti perkaitan hubungan etnik (salah satu cabang sosiologi) dengan sastera dan bahasa seterusnya membuatkan masyarakat sedar akan peranan sastera dalam memperkukuhkan perpaduan. Gabung jalin kajian sosiologi dengan ilmu lain seperti pengurusan, kesusasteraan, falsafah, budaya, bahasa dan sejarah menyuburkan perkembangan ilmu bersifat multi-disiplin sesuai dengan sifat kesusasteraan yang universal sebagaimana mengikut pandangan Lim Swee Tin (2015: 353), “yang dikatakan universal itu ialah unsur sejagat yang padanya mencakup segala aspek emosi atau perasaan manusia, hasrat dan aspirasi kehidupan, serta nilai yang disisipkan ke

dalamnya”. Pembentukan jati diri kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik, bangsa, kaum dan budaya ini tidak dapat terjadi dengan sendirinya dan memerlukan usaha untuk mempromosikannya. Di sinilah peranan sastera menjadi sangat penting. Penggunaan karya sastera berupaya menjadi apresiasi yang sihat dalam kelompok pelajar yang masih muda. Sastera mampu menajamkan penghayatan kepada kehidupan, menjadi sumber perbincangan yang sihat, dan alat hiburan di samping mendekati mereka kepada realiti sosial yang tidak atau belum dijejaki (Lim Swee Tin 2015: 357). Keperluan ini ditampung oleh sastera secara komprehensif mengikut daya intelektual pembaca yang berbeza. Oleh itu, pengurusan pembangunan etnik dalam cerpen terpilih merupakan perkara penting dan perlu untuk memberikan kefahaman dan penghayatan yang jitu tentang perhubungan etnik itu sendiri.

#### KAJIAN LEPAS

Dalam kajian ini, tinjauan kajian lepas dibuat berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu berkaitan hubungan etnik, perpaduan, masyarakat majmuk dan juga kepelbagaian hubungan etnik dan tidak terhad kepada kajian sosiologi dan sastera. Berdasarkan kajian kepustakaan dan pencarian menggunakan aplikasi Mendeley, terdapat hanya sebuah kajian lepas yang berkaitan iaitu kajian yang telah dilakukan oleh Rosli Ibrahim (2016) melalui kajian Ijazah Kedoktoran Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau telah menganalisis konsep perpaduan kaum dalam novel terpilih Abdullah Hussain sebagai sebuah kajian kualitatif analisis teks untuk menganalisis unsur perpaduan kaum yang terdapat dalam dua buah novel tulisan Abdullah Hussain iaitu novel *Interlok* dan *Buih di Atas Air*. Dalam kajian tersebut, beliau telah menggunakan Teori Cerminan Masyarakat Lukacs sebagai landasan kajian bagi melihat hubungan antara penulisan Abdullah Hussain dalam kedua-dua novel kajian dan perkaitannya dengan kehidupan masyarakat daripada pelbagai latar belakang keturunan kaum serta budaya di Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pemilihan tema, plot dan watak untuk kedua-dua novel telah mencerminkan latar belakang kehidupan sebenar masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Berdasarkan ulasan yang dibuat oleh Rosli, beliau menyatakan bahawa

kedua-dua novel kajian telah berjaya menonjolkan unsur perpaduan kaum dalam pelbagai aspek kehidupan harian seperti dalam suasana sosiobudaya, ekonomi dan politik masyarakat Malaysia. Beliau juga mendapati kedua-dua novel kajian berjaya mencerminkan citra budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai dan telah menyumbang ke arah kehidupan yang lebih harmoni dan bersatu padu dalam usaha membangunkan negara ini. Beliau membuat kesimpulan bahawa karya Abdullah Hussain bukanlah bercorak perkauman serta tidak cenderung untuk menyanjung sesuatu kaum sahaja.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh J. Lampert (2007) dalam tesis ijazah kedoktorannya yang berjudul “*The Whole World Shook: Shifts in Ethnic, National and Heroic Identities In Children’s Fiction About 9/11*” 2007 dari Queensland University of Technology, telah mengkaji bagaimana identiti kebudayaan dibina dalam teks fiksi kanak-kanak apabila kebanyakan pengarang menulis tentang topik popular, iaitu peristiwa 11 September, serangan di *World Trade Centre* sebagai hari yang dipercayai telah ‘mengubah dunia’. Lampert telah mengenal pasti tiga kategori identiti penting yang dikodkan dalam buku 9/11 untuk kanak-kanak: identiti etnik, identiti kebangsaan dan sikap berani. Beliau berpendapat bahawa identiti yang terbentuk dalam teks kanak-kanak terpilih adalah dalam bentuk *flix*, persembahan keistimewaan identiti yang berlainan pada politik 9/11. Kajian yang dilakukan Lampert merupakan bidang kritikan kesusasteraan kanak-kanak dan berpandangan bahawa teks sastera kanak-kanak memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti diri. Sastera kanak-kanak sangat penting untuk tujuan pedagogi (mendorong kanak-kanak terpengaruh dengan amalan dan kepercayaan budaya yang ditampilkan oleh pengarang). Kritikan kesusasteraan yang dilakukan oleh Lampert memaparkan bahawa teks-teks terpilih tersebut adalah rumit, bervariasi serta berkemungkinan besar sebagai samar-samar dan bertentangan sebagai tindak balas terhadap serangan yang berlaku di New York itu sendiri. Bagi merealisasikan kajian tersebut, beliau menggunakan teori kritikal termasuk teori sastera, kajian kebudayaan, kajian prestasi dan postmodernisme. Rangka kerja kritikal tersebut menggunakan beberapa pendekatan untuk (1) memahami bagaimana kerja politik dan ideologi dilakukan dalam kesusasteraan kanak-kanak; (2) menginterogasi sifat identiti budaya yang dibina; (3) membangunkan metodologi yang sesuai untuk

menjalankan analisis teks terpilih. Melalui analisis tekstual, Lampert telah meneliti tiga set teks terpilih yang menceritakan mengenai peristiwa 11 September, set pertama ialah buku bergambar, set kedua ialah fiksiyen dewasa remaja dan set ketiga ialah pilihan Komik DC. Setiap bab memberi tumpuan kepada kategori identiti yang berbeza. Dalam bab empat, Lampert mengkaji prestasi identiti etnik dan politik kaum dalam sampel buku gambar dan fiksiyen dewasa muda. Dalam bab lima pula, beliau menganalisis pembinaan identiti kebangsaan, kolektif melalui Komik DC; dan pada bab enam, Lampert melakukan kerja analitik pada ketiga-tiga set teks terpilih tersebut untuk mengesahkan kewujudan sikap berani tertentu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa persembahan identiti kebudayaan yang dibina dalam teks-teks terpilih menggambarkan identiti yang biasa serta menyumbang kepada penemuan yang baru. Pembinaan tekstual tersebut dilihat sebagai tanggapan kepada peristiwa yang berlaku tanpa dijangka. Beliau juga mendapati dalam sampel buku-buku yang bercampur-campur dengan sikap *xenophobia* dan sikap toleransi iaitu pertembungan binari antara keharmonian baik dan kejahatan yang global. Sebagai sebuah korpus kajian, teks yang berkisar tentang peristiwa 11 September tersebut memberikan maklumat mengenai jenis 'diri' yang dilihat istimewa oleh negara Barat sejak tahun 2001. Dalam kajian tersebut, beliau menyimpulkan bahawa identiti peralihan yang jelas terlihat dalam teks yang dihasilkan untuk kanak-kanak tentang peristiwa 11 September dengan menyelitkan makna tersirat dan eksplisit tentang kewujudan kewarganegaraan yang baik, kesetiaan kepada negara dan komuniti dan ciri-ciri yang diinginkan dalam konteks post-11 September yang diperkenalkan oleh Barat. Tesis tersebut dilihat memberi sumbangan besar kepada bidang kesusasteraan kanak-kanak apabila analisis yang dilakukan difokuskan tentang bagaimana teks untuk kanak-kanak tentang peristiwa 11 September menyumbang kepada pembentukan identiti dalam keadaan yang sukar sewaktu kebencian terhadap budaya sendiri dan pergolakan global sedang rancak diperkatakan.

Chew Fong Peng (2003) melalui tesis Doktor Falsafahnya di Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengkaji mengenai "*Peranan Sastera Kebangsaan dan Persepsi Dalam Pembentukan Perpaduan Nasional: Satu Kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.*" Beliau telah memilih sebanyak 83 buah cerpen karya

Sasterawan Negara, pemenang sayembara cerpen Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat untuk diteliti dan dikaji. Melalui kajian tersebut, Chew Fong Peng telah menilai 19 indeks yang merangkumi cinta antara etnik, perkahwinan antara etnik, persahabatan, kejiranan, kemanusiaan, tolong-menolong, tanggungjawab bersama, kepercayaan agama, kebebasan beragama, semangat nasionalisme, kesetiaan kepada tanah air, karisma kepimpinan, nilai luhur, kemesraan, pendidikan kebangsaan, bahasa kebangsaan, budaya kebangsaan, kerjasama ekonomi dan kerjasama pekerjaan. Namun begitu, kajian Chew Fong Peng hanya tertumpu kepada cerpen terpilih yang berkaitan dengan perpaduan kaum. Data yang diperoleh dalam kajian membolehkan Chew Fong Peng membuat ulasan tentang sastera kebangsaan berdasarkan cerpen-cerpen pilihan kajiannya. Data yang diperoleh itu dapat mengenal pasti dan memainkan peranan untuk membentuk perpaduan nasional khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain kajian lepas daripada disertasi sarjana dan tesis doktor falsafah, berikut turut diteliti jurnal-jurnal yang berkaitan dengan kajian. Jurnal (*Journal for Multicultural Education*) yang telah dilakukan oleh Balamuralithara Balakrishnan, Fakulti Sastera, Komputer dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 2017 bertajuk '*A novel module for cultivate unity and harmony in multicultural society through arts education*'. Tujuan kajian tersebut dilakukan adalah untuk mengusulkan novel sebagai medium kesatuan dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bermula daripada pendidikan sekolah hinggalah ke usia remaja. Menurut Balamuralithara, kepelbagaian fungsi sastera diyakini dapat membantu mempromosikan perpaduan dalam masyarakat pelbagai budaya dan seharusnya bermula sejak dari kecil, iaitu bermula dengan pendidikan di sekolah. Sastera melalui pelbagai pendekatannya sendiri dapat menunjukkan kemungkinan dalam menangani kepelbagaian masalah dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan budaya seperti masyarakat Malaysia. Pendidikan sastera adalah penting untuk setiap kanak-kanak kerana sastera merangkumi seluruh domain pembelajaran yang melibatkan kognitif, psikomotor dan afektif. Pendidikan sastera boleh menjadikan kelebihanannya untuk membantu proses pembelajaran kanak-kanak dan kemungkinannya untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai kaum. Kajian lapangan yang dilakukan

oleh Balamuralithara adalah berdasarkan temu bual yang menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada dua soalan utama, iaitu “Apakah persepsi anda terhadap modul ini melalui penyertaan dalam program ini?” dan “Bagaimana modul program ini telah mempengaruhi anda sebagai rakyat Malaysia?” Berdasarkan hasil dapatan yang dilakukan, beliau mendapati bahawa modul yang dicadangkan telah dilaksanakan dan penemuan menunjukkan bahawa melalui pendidikan sastera, perpaduan dan keharmonian antara kanak-kanak dalam masyarakat ‘multikultural’ dapat berkembang dan diperkukuhkan. Implikasi praktikal kajian menunjukkan bahawa modul pendidikan sastera yang dicadangkan boleh digunakan dalam kalangan pelajar daripada pelbagai tahap pendidikan yang berbeza dan berdasarkan kaum yang berlainan untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan mereka. Pada masa yang sama, memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam budaya masyarakat seterusnya membawa keharmonian dan kedamaian di masa depan. Diperhatikan bahawa kajian yang dilakukan Balamuralithara merupakan pendekatan baru yang menggunakan pendidikan sastera sebagai alat untuk mencapai agenda nasional dengan tujuan mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan murid sekolah rendah di Malaysia yang berasal daripada pelbagai kaum dan sistem persekolahan.

Chew Fong Peng melalui *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu (SARI)* (2008: 3-25), membuat kajian mengenai Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan. Kajian empirikal dengan menggunakan Teori Latar Belakang Sosial telah dijalankan beliau dengan melibatkan sebanyak 1,600 orang pelajar Tingkatan 4, Tingkatan 6, mahasiswa dan guru siswazah dalam pengajian Melayu sebagai responden masing-masing sebanyak 400 orang. Kawasan kajian terbatas di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menurut beliau, kedua-dua kawasan tersebut strategik dari segi geopolitik, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan pembinaan negara. Kaji selidik tersebut telah dijalankan selama enam bulan, iaitu bermula dari Februari sehingga Julai 2003. Pensampelan itu dibuat untuk memenuhi kriteria tahap pendidikan dan latar belakang sosial yang berbeza, sesuai dengan keperluan kajian ini untuk mengetahui pandangan responden terhadap sastera perpaduan bermula daripada peringkat remaja awal, kepada remaja, remaja akhir, dan dewasa. Pandangan dan pendapat daripada responden berhubung

dengan peranan sastera sebagai alat pembentukan perpaduan di institusi pendidikan itu diperoleh daripada soal selidik yang terdiri daripada dua soalan terbuka. Dapatan kajian beliau menunjukkan 66.48% responden menyokong saranan mengajar sastera perpaduan di institusi pendidikan. Setelah dianalisis, adalah didapati bahawa wanita Melayu yang berstatus sosioekonomi tinggi lebih banyak menyokong cadangan tersebut berbanding kumpulan orang bukan Melayu lelaki daripada status sosioekonomi yang rendah.

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Zanyar Kareem Abdul & Jul (2016) berjudul “The Race Dynamics and The Question of Nationalism in Lloyd Fernando’s *Green is the Colour* (1993) membincangkan tentang novel Fernando yang berkisar tentang hubungan antara kaum yang berlaku selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Malaysia. Menurut Zanyar Kareem Abdul & Jul, novel *Green is the Colour* mengisahkan tentang konflik agama dan asimilasi perkauman. Novel tersebut memperlihatkan sudut pandang Fernando terhadap sejarah setempat, budaya, perpaduan, dan masa depan Malaysia. Menurut Zanyar Kareem Abdul & Jul lagi, pemerhatian Fernando yang tepat dapat diperhatikan melalui novel *Green is the Colour* apabila beliau berhasil meleraikan semua konflik yang wujud pada tahun 1969. Fernando memberikan tumpuan kepada masalah rusuhan kaum yang digambarkan melalui tiga kaum berbeza iaitu Melayu, Cina dan India untuk memperlihatkan perjuangan budaya, politik, dan agama mereka. Menurut Zanyar Kareem Abdul & Jul (2016), bakat penulisan Fernando sangat tidak ternilai dalam kesusasteraan Malaysia dengan kelebihannya mengangkat kisah-kisah sejarah, menyentuh isu sosial, budaya dan agama sebagai pemikiran yang menonjol dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Bangsa Malaysia dan semangat nasionalisme menjadi tema asas dalam kesusasteraan Malaysia apabila Lloyd Fernando memberikan petunjuk yang menjurus kepada hal tersebut. Hasil dapatan mendapati novel *Green is the Colour* berjaya mengesan konflik dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969, satu peristiwa malang yang tidak dapat dilupakan yang melumpuhkan seluruh negara. Fernando membawa imej yang sama tentang perbezaan kaum dengan penciptaan watak utama bagi setiap kaum mewakili kaum Melayu, Cina, dan India seterusnya menggambarkan perjuangan yang dibawa oleh setiap bangsa tersebut. Tidak ada

kesatuan perasaan atau penerimaan antara satu sama lain, akibatnya konflik timbul dan kesemua watak tersebut menderita. Setiap watak melihat watak lain mengikut pemikiran dan budaya mereka sendiri; sesetengah daripada watak tersebut membawa idea-idea Barat dan membangunkannya ke dalam negara. Ada antara watak yang ditampilkan mencuba menjadi orang Melayu dengan menerapkan bahasa Melayu kepada rakyat, walaupun hakikatnya tidak ada harapan untuk mewujudkan perpaduan kaum di bawah naungan keunikan. Hal tersebut merupakan faktor-faktor serius yang ditampilkan oleh penulis apabila beliau dengan sengaja tidak menyampaikan semangat nasionalisme ke dalam novel tersebut apabila setiap bangsa yang ditonjolkan dalam novel bersaing antara satu sama lain dan menunjukkan kemegahan sendiri. Sikap menuduh dan masalah yang tidak pernah surut serta tanpa semangat kerjasama menjadi punca pembinaan sebuah negara baru di bawah nama keamanan dan kemakmuran untuk gagal. Fernando memperlihatkan kesukaran untuk menjadi sebuah negara berbilang kaum dengan ketiadaan semangat nasionalisme. Bagi penulis lain, untuk mencapai tahap klimaks, sesuatu yang menyerlah perlu ada dalam karya sastera, faktor tersebut diperlukan; namun dalam hal novel yang dihasilkan Fernando, faktor-faktor tersebut hilang dengan membawa watak yang jauh daripada imej nasionalisme yang tepat. Menurut Zanyar Kareem Abdul & Jul, Fernando telah melakukan yang terbaik dalam memberikan imej yang jelas mengenai kaum dan konflik yang terlibat dalam novel dan menjadi kewajipan para pembaca untuk menilai baik buruk pertelingkahan yang berlaku antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Selain daripada kajian-kajian yang disebut di atas, tidak ada kajian yang secara khusus berkaitan hubungan etnik di Malaysia dalam karya sastera. Hasil penelitian mendapati kebanyakan kajian yang dilakukan oleh sarjana tempatan dan luar negara tidak banyak yang menyentuh tentang pengurusan pembangunan hubungan etnik dalam karya sastera. Namun begitu, banyak kajian pandangan serta kritikan dan hampir kesemuanya mengulas tentang konsep perpaduan kaum serta aspek-aspek budaya integrasi nasional di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan pengarang daripada pelbagai kaum, etnik dan kebudayaan menghasilkan cerpen, puisi, dan novel dengan mengetengahkan konsep hubungan etnik. Memandangkan masalah perpaduan antara etnik masih berlaku dan sentiasa menjadi isu semasa yang dibincangkan di dada akhbar, berita televisyen dan media elektronik seperti *Facebook*, *Twitter*, *Whatsapp*, *Instagram*,

*blog*, *Youtube*, dan saluran elektronik yang lain, maka pengkaji berpendapat penerapan pemahaman tentang hubungan etnik melalui karya sastera adalah penting dan relevan.

Melalui kajian-kajian lepas yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa kurangnya kajian yang mengkaji kesesuaian teks sastera sebagai medium penyatuan hubungan etnik apatah lagi dengan menggunakan teori yang dipelopori oleh Johan Galtung ini. Peranan karya sastera sebagai medium penyatuan sebagaimana yang disebutkan oleh Nur'Ainy Ali (2007: 33) iaitu "Kesusasteraan adalah alat perantaraan ampuh yang memainkan peranan penting dalam mengeratkan lagi perhubungan dan pertalian antara masyarakat. Malah kesusasteraan dapat mengeratkan perhubungan dan persefahaman antara satu bangsa dengan bangsa yang lain kerana dalam karya kesusasteraan itu terdapat nilai-nilai yang dianut dan cara hidup sesuatu bangsa. Kesusasteraan sesuatu bangsa itu adalah warisan kebudayaannya". Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2014: 4), sastera bukan sekadar bahan bacaan tetapi lebih daripada itu. Menurut beliau lagi, Shahnnon Ahmad pernah menegaskan bahawa sastera sebagai seismograf kehidupan, iaitu sastera bukan sahaja mencatat tetapi menganalisis perihal manusia dan masyarakat. Melalui sastera banyak perkara yang boleh dipelajari. Sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai sesebuah masyarakat. Melalui sastera, masyarakat juga dapat mempelajari sejarahnya untuk memperbaiki kehidupan mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menganalisis tipologi pengurusan pembangunan etnik yang terdapat dalam novel kajian terpilih. Tipologi pembangunan dilihat melalui enam ruang, iaitu alam, manusia, sosial, dunia, kebudayaan dan waktu berpandukan Teori Pembangunan yang diperkenalkan oleh Johan Galtung tentang aliran ilmu ekonomi, faktor luaran dan pendekatan rentas ruang. Kajian pembangunan menurut Johan Galtung (2003: 282) ialah pengurangan kekerasan struktural dan budaya. Kajian ini dilakukan secara deskriptif, penelitian teks secara kritis terhadap struktur karya. Perbincangan bagi makalah ini menganalisis beberapa buah novel yang dipilih secara rawak dan diuji dengan menggunakan Teori Pembangunan yang diperkenalkan oleh Johan Galtung untuk melihat sama ada pengurusan pembangunan etnik wujud atau tidak dalam novel yang dipilih untuk dikaji.

### TEORI PENGURUSAN PEMBANGUNAN MENURUT GALTUNG

Menurut Johan Galtung (2003 & 1996), terdapat banyak konsep pembangunan. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini dan untuk menjadikan kajian lebih berfokus, empat konsep pembangunan menurut Galtung sahaja yang berkaitan teori akan diteliti. Pembangunan merupakan penyingkapan makna sebuah budaya, yang merealisasikan kod tertentu atau kosmologi budaya tersebut. Walau bagaimanapun, menurut Galtung, jika sebuah peradaban memaksa definisi pembangunan disamakan dengan peradaban lain dengan menerapkan kod budaya satu masyarakat lain dengan masyarakat lainnya atau membataskan definisi tersebut kepada sah atau sebaliknya, secara tidak langsung definisi ini memperlihatkan kekerasan budaya sedang berlaku.

Menjadikan manusia keliru tentang definisi budaya, mendedahkan kepada penghapusan, pembunuhan seterusnya membawa kepada pengasingan kolektif budaya dan individu dalam masyarakat. Definisi ini turut menunjukkan wujudnya kepercayaan bahawa ilmu ekonomi neutral iaitu, 'bebas-budaya'. Hal ini kerana, perkataan 'penyingkapan' membuktikan bahawa budaya itu sudah diprogramkan dan tidak bebas kerana terpaksa memenuhi definisi pembangunan.

Konsep kedua pula menerangkan bahawa pembangunan adalah pemuasan progresif keperluan-keperluan biologi manusia. Menurut Galtung, manusia mempunyai keperluan-keperluan yang seandainya tidak dipenuhi atau dipuaskan, mereka bukan lagi manusia. Keperluan biologi manusia dan pemuas kepada keperluan disenaraikan oleh Galtung seperti berikut:

JADUAL 1. Keperluan biologi manusia dan pemuas keperluan

Keperluan biologi manusia	Pemuas Keperluan
Integrasi tubuh badan	Perlindungan manusia
Udara bersih, air dan nutrisi	Udara, air dan makanan
Simulasi ketenangan, visual, audio, deria bau	Persekitaran menenangkan
Pengeluaran sisa buangan, perkumuhan	Pembuangan
Suhu, kelembapan, kawalan angin	Baju dan tempat berteduh
Tidur dan rehat	Ketenangan
Pergerakan	Ruang
Seks	Privasi
Reproduksi	Kesemua pemuas di atas

Keperluan menurut Galtung (2003) merupakan penderitaan, semakin banyak keperluan semakin tinggi penderitaan. Pengurusan pembangunan bertindak untuk menghapuskan kesengsaraan atau penderitaan tersebut sebagaimana perdamaian yang bertindak untuk menghapuskan peperangan. Keseluruhan alam memiliki keperluannya yang tersendiri. Lima keperluan awal seperti di jadual, tidak hanya berlaku kepada manusia, tetapi turut berlaku kepada tumbuh-tumbuhan, manakala empat keperluan berikutnya turut terjadi kepada binatang. Keperluan untuk reproduksi ialah keperluan filogenetik spesies terhadap keturunan. Bagi setiap keperluan, terdapat unsur penderitaan. Bentuk penderitaan yang paling ekstrem ialah kematian dan kemusnahan individu akibat daripada kesan trauma yang terjadi kepada tubuh (kekerasan langsung dan

kekerasan struktural). Tetapi sebelum berlakunya kemusnahan individu, wujudnya konsep utama teori dan praktikal pembangunan, iaitu eksploitasi, yang didefinisikan sebagai manfaat kehidupan di luar lingkungan reproduksi. Reproduksi merupakan kitaran normal manusia, iaitu setiap pagi, setelah terjaga daripada tidur/istirahat, manusia memerlukan makanan, berkumuh, kembali segar dan sihat untuk memulai kehidupan baru. Manakala tidak reproduksi bermaksud tidak melalui kitaran kehidupan yang normal seperti sebelumnya yang berisiko berakhir dengan kematian yang cepat atau lambat. Ketika keadaan ini terjadi, spesies tersebut berada dalam keadaan bahaya dan berisiko untuk musnah atau dengan perkataan lain, tidak berkemampuan untuk memperbaiki diri.

Definisi pembangunan yang ketiga menurut Galtung, adalah dengan memenuhi keperluan-keperluan alam, manusia dan non-manusia secara progresif dan kerosakan yang berlaku menjadi masalah utama kepada pembangunan. Terdapat tiga posisi relatif yang jelas iaitu, pembangunan yang menumpukan kepada manusia (*homo-centric development*), keperluan manusia menjadi yang paling utama dengan mengetepikan bukan keperluan, dan sebuah pembangunan yang menjadikan alam sebagai titik tumpu (*nature-centered development*). Dalam hal ini, keperluan alam diberi keutamaan dengan menjadikan keperluan manusia dan pembangunan, seimbang antara manusia dengan alam (*homo/nature balance development*). Keperluan manusia termasuk dalam dua perkara penting, iaitu kelangsungan hidup yang berlawanan dengan kemusnahan hidup dan juga kesejahteraan minimum. Selain itu juga, manusia memiliki keperluan spiritual yang mencakupi ruang alam, manusia, sosial, dunia, waktu dan kebudayaan yang membolehkan manusia untuk membuat pilihan.

Definisi pembangunan yang keempat menurut Johan Galtung ialah pertumbuhan ekonomi tanpa mengorbankan sesiapa pun. Definisi ini menerangkan bahawa mangsa kepada pembangunan adalah jelas. Dalam ruang alam, kemusnahan berlaku terhadap benda hidup dan benda bukan hidup; dalam ruang manusia, keperluan manusia semakin berkurangan sehingga mengancam reproduksi; dalam ruang sosial, interaksi manusia semakin berkurangan dalam diversiti dan simbiosis; dan dalam ruang waktu (masa depan) menjadi defisit kepada reproduksi (tidak dapat diperbaharui, tidak berkesinambungan) dan dalam ruang budaya, menjadi tidak intelektual (*inade-quatatio*).

Pada prinsipnya, teori pembangunan merupakan sebuah pendekatan holistik yang memfokuskan kepada kondisi manusia dan teori pembangunan juga merupakan pendekatan yang dinamik. Kajian pembangunan merupakan kajian menyeluruh yang mencakupi kajian kedamaian, kajian lingkungan kehidupan, kajian masa depan termasuklah kajian feminisme (Galtung 1996: 185). Teori pembangunan merangkumi empat ruang interaksi: Alam, Manusia, Sosial dan Dunia; bertimbal balik kepada ruang waktu dan ruang budaya (masa lepas). Teori pembangunan bersifat dinamik yang dilaksanakan

untuk menuju perbaikan kondisi manusia dan seluruh kehidupan lain. Holistik, dinamik dan ameliorasi (perubahan makna sesuatu kata daripada makna yang kurang elok kepada makna yang lebih baik) sebagai kerangka asas teori pembangunan, iaitu untuk ruang alam terdapat aliran keseimbangan ekologi. Bagi ruang manusia, terdapat rawatan tradisional yang memfokuskan kepada kesihatan spiritual dan mental.

Ruang sosial mencakupi semua program bagi pemulihan sosial yang diserap ke dalam struktur sosial, budaya dan juga ideologi. Manakala untuk ruang dunia, wujudnya program yang diserapkan ke dalam kelompok besar manusia, yang disebut sebagai kosmologi peradaban. Walau bagaimanapun, untuk masyarakat dunia, tidak ada program seperti itu. Ruang dunia merupakan sebuah arena induk, tempat perdamaian hendak dicapai, dipetakan dengan teori *sui-generis* di tingkat ruang dunia, bukan melalui tingkat sosial manusia ataupun alam sebagaimana menurut teori pembangunan Galtung, dan bagi kesemua ruang ini, perlu ada keseimbangan. Keseimbangan ini merupakan komponen utama kepada konsep pembangunan. Selain empat ruang dan sub ruang, wujud pembahagian ruang alam, ruang manusia yang dibahagikan kepada tubuh, fikiran, kehendak, kognisi dan jiwa sebagai pusat refleksi yang mendukung emosi dan kemahuan. Kognisi diri sendiri dan orang lain dengan kata lain refleksi diri. Secara prinsipnya, ruang ini merangkumi refleksi tentang kemampuan diri sendiri untuk melaksanakan refleksi secara falsafah. Kompleksiti ini membentuk keperibadian.

Dalam ruang sosial, perbezaan adalah tentang lapisan mikro, meso dan makro. Mikro merupakan kelompok kecil yang mewakili individu, biasanya yang berhubungan dengan perhubungan persaudaraan, keluarga ataupun persahabatan. Seterusnya, Meso merupakan perhubungan sekunder di tingkat lokal yang mewakili nilai atau kepentingan sosial dan Makro adalah tingkat nasional yang dipecahkan kepada hubungan, klasifikasi mengikut gender, keturunan, ras, kelas, bangsa dan penduduk untuk sesuatu wilayah.

Semua jenis ruang sosial berinteraksi dalam ruang dunia. Bagi negara dan bangsa, perhatian sering diberikan kepada ruang sosial makro. Tujuan dan proses pembangunan melalui pengurusan sistematik diringkaskan seperti jadual di bawah:

JADUAL 2. Tujuan dan proses pembangunan: Pengurusan sistematik

Ruang	Alam	Manusia	Sosial	Dunia
Sub-ruang	Kosmografi, Atmosfera, hidrosfera, biosfera	Tubuh badan Psikologi spiritual, jiwa	Mikro – tingkat pertama Meso – tingkat kedua Makro – tingkat ketiga, Nasional	Wilayah Dunia
Kod	Kod genetik	Kod genetik personaliti	Struktur Budaya	Kosmologi dunia, Kosmologi manusia
Pemulihan sistem	Keperluan biologi	Keperluan tubuh badan, Keperluan spiritual	Kepentingan sosial	Wilayah berkepentingan Dunia berkepentingan
Reproduksi	Memperbaharui pengeluaran	Penyusunan semula	Penyusunan semula	Penyusunan semula
Pertahanan keganasan	Merugikan keperluan	Merugikan keperluan	Merugikan kepentingan	Merugikan kepentingan
Eksplotasi	Keupayaan reproduksi	Kebolehan reproduksi	Kebolehan reproduksi	Kebolehan reproduksi
Matlamat kelestarian	Ekosistem seimbang	Realisasi sendiri	Pembangunan	Keamanan

Berdasarkan jadual ini, setiap ruang dikendalikan oleh logiknya tersendiri yang disebut sebagai kod atau program. Program merupakan susunan transformasi yang menerangkan proses ruang itu sebagai entiti kompleks yang terikat dengan hubungan timbal balik. Oleh itu, setiap organisma dalam biosfera di ruang alam merupakan pembawa kod genetik yang diwarisi melalui reproduksi. Kod genetik menunjukkan perbezaan, kompleksiti sebagaimana yang berlaku kepada *somatic* manusia. Keperibadian merupakan kod kepada aspek *non-somatic*. Kod ini membolehkan seseorang itu mengenali seseorang yang lain dengan mendalam, walaupun seseorang itu berubah perilaku, penampilan dan lain-lain. Kemampuan manusia merenung keperibadian dirinya sendiri merupakan aspek dramatik yang dikenali sebagai transformasi spiritual.

Selepas itu, adanya ruang sosial. Dalam ruang sosial, kod dibangunkan ke dalam struktur dan budaya dalam satu bentuk implisit sebagai sebuah program yang dileraikan melalui ideologi. Dalam ruang dunia, kod menjadi lebih kompleks kerana ia melibatkan sistem yang lebih besar dan melibatkan banyak entiti daripada ruang sosial. Pada tingkat ini juga, akal bertindak untuk memacu struktur dalaman dan budaya dalaman iaitu unsur-unsur struktural dan budaya menjadi anutan bersama oleh masyarakat yang berbeza atau oleh sistem berbeza di sesebuah wilayah atau kawasan. Hal ini turut dianggap sebagai ekspresi 'ideologi dalaman' yang dikenali sebagai kosmologi atau keperibadian bagi sesebuah peradaban.

Pemulihan sistem merupakan dua kunci utama untuk ruang alam dan manusia dan memberi

kepentingan kepada ruang sosial dan dunia. Dalam hal ini, Galtung mendefinisikannya dengan istilah '*conditio sine qua non*'. Seandainya keperluan sesuatu organisma itu tidak terpenuhi, maka organisma tersebut akan mati, hal yang sama juga berlaku kepada manusia. Menurut Galtung, keperluan manusia terbahagi kepada dua kategori iaitu keperluan untuk *kelangsungan hidup* dan keperluan untuk *kesejahteraan hidup*. Semua ini memperlihatkan keterbergantungan kepada alam. Alam menjadi ruang kepada manusia untuk beristirahat dan bergiat aktif. Alam memberi input kepada manusia dan menerima sebahagiannya pula daripada manusia. Bagi mengakomodasi sebagai tuan rumah, manusia dan alam mestilah kuat terutamanya ketika manusia berperanan sebagai parasit. Oleh kerana manusia merupakan organisma biologi, maka manusia cenderung memiliki keperibadian tertentu dan memiliki keperluan yang kadangkala tidak serasi dengan kestabilan ruang alam seperti eksploitasi alam, kemusnahan alam dan lain-lain lagi.

Keperluan identiti dan keperluan kebebasan merupakan keperluan spiritual manusia. Dua keperluan ini sangat berkaitan dengan dialektik. Keperluan identiti terpenuhi dengan membangunkan dan memperluaskan potensi dirinya sebagai organisma biologi. Keperluan kebebasan pula merupakan keperluan untuk memenuhi ruang psikologi, spiritual dan keperluan untuk membuat keputusan yang mengikat dirinya atau tidak. Keperluan tersebut juga merupakan keperluan kebebasan untuk mengubah keperibadian dari waktu ke waktu, program atau kod yang sebatian dengan seseorang individu itu. Keperluan dasar, biologi dan



non biologi merupakan satu kepentingan yang sah untuk sebuah sistem sosial, manakala kepentingan global adalah dengan memenuhi kepentingan dan keperluan keseluruhan ekosistem. Hal ini menunjukkan bahawa manusia bergantung kepada keseimbangan ekologi dan keunggulan alam. Pada peringkat seterusnya, iaitu kematangan sistem bergantung kepada kepelbagaian yang disebabkan oleh simbiosis antara kesemua komponen yang membentuk kepelbagaian tersebut. Semakin tinggi aras kematangan sistem, semakin fleksibel dan kuat sistem tersebut mempertahankan dirinya dengan menetapkan tujuannya dalam populasi kematangan sistem tersebut. Semua ruang menuntut kepelbagaian jenis dan simbiosis seperti berikut:

1. *Biotopes* di ruang alam – Kondisi umum bagi keseimbangan ekologi;
2. *Homotopes* di ruang manusia – Kepelbagaian membentuk penghormatan dan toleransi terhadap keperibadian orang lain, dialog batin dalam diri manusia, sama pentingnya dengan dialog antara manusia dengan manusia yang lain; dan
3. *Sosiotopes* di ruang sosial dan dunia – Penghormatan dan toleransi terhadap jenis organisasi sosial lain. Simbiosis diperlukan: belajar bersama, pertukaran dan manfaat bersama.

Seterusnya, reproduksi dengan menggunakan kematangan sistem, ialah dengan kemampuan perbaikan alami yang menjadi terancam ketika kepelbagaian dan kemampuan simbiosis berkurangan. Hal yang sama berlaku dalam ruang manusia. Reproduksi yang disandarkan kepada dua homotapes, iaitu lelaki dan perempuan, interaksi simbiosis, cinta, perkahwinan, hubungan kelamin, mendidik anak-anak bersama. Di ruang sosial, logik yang sama juga berlaku. Sebuah masyarakat yang kuat memperoleh diversiti tidak hanya secara kuantitatif, tetapi mempunyai hubungan interaktif antara keduanya (symbiosis). Seluruh pendekatan ini menjurus kepada politik demokrasi. Karakteristik ini memberi dan menerima, belajar dan mengajar, membentuk sikap dan tindakan, struktur terhadap satu dengan lain sehingga berkembang secara dialektik, dengan menghormati hak orang lain. Seluruh asas pemikiran demokrasi disandarkan kepada perkara ini. Karakteristik ini menjadikan rekonstruksi berjalan dengan lancar. Pada asasnya, hal yang serupa berlaku kepada ruang dunia, iaitu semakin seragam hingga tiada interaksi, makin rentan, beraneka dan simbiosis, dunia berupaya

untuk merekonstruksi dirinya sendiri.

Pengurusan pembangunan seterusnya yang melibatkan ketahanan adalah merujuk kepada kekerasan langsung dan kekerasan struktural yang diringkaskan sebagai ‘kekerasan’ dan ‘eksploitasi’. Kekerasan juga adalah kelukaan kepada keperluan, kelukaan kepada kepentingan sistem yang lebih kompleks dalam ruang sosial dan dunia, juga merupakan kapasiti untuk memenuhi segala keperluan anggota di sekelilingnya. Empat jenis kelukaan di dunia yang diperkenalkan Galtung seperti berikut;

1. *Holocaust* – Negasi keperluan kelangsungan hidup;
2. *Holocaust* senyap / holocaust structural – Pembunuhan orang, penghapusan generasi muda, bayi dan kanak-kanak di Dunia Ketiga
3. *KZ dan Gulag* – Keperluan kebebasan
4. Kematian spiritual – Negasi dari keperluan identiti (fokus kepada ego sendiri, keperluan individu tanpa menyatakan tentang kerakusan).

Selain daripada pengurusan pembangunan yang disebutkan di atas, eksploitasi turut merupakan perkara penting. Dalam hal ini, kelukaan bukan saja kepada keperluan tertentu di tingkat yang lebih kompleks, atau kepentingan, tetapi terhadap kapasiti untuk melakukan reproduksi. Eksploitasi merupakan penggunaan apa sahaja dalam ruang alam, manusia, sosial atau dunia yang entiti tidak lagi berupaya melakukan reproduksi terhadap dirinya sendiri. Dalam ruang alam, dikenali sebagai sumber daya yang melampaui kemampuannya untuk memperbaharui dirinya sendiri. Dalam ruang manusia, sumber daya manusia digunakan melampaui kemampuan reproduksinya sebagai seorang individu atau dengan kata lain, kehabisan tenaga. Walau bagaimanapun, kemampuan reproduksi manusia dari satu generasi ke generasi berikutnya sangat fleksibel, sehingga eksploitasi yang berlaku di ruang manusia bersifat *ontogenetic* dan bukan *phylogenetic*.

Dalam ruang dunia, peradaban lahir menjadi dewasa, membangun, kemudian menyusut menjadi uzur dan seterusnya mati. Manakala dalam ruang alam, dapat dipertahankan hidupnya secara tidak tulen iaitu dengan penggunaan racun perosak dan pada ruang manusia, adalah dengan melalui biokimia. Di ruang sosial juga berlaku dengan cara serupa sebagaimana yang telah berlaku terhadap Dunia Ketiga melalui bantuan kewangan dan keterikatan hutang.

Manakala, pengurusan pembangunan di sub ruang tujuan pemulihan, kondisi menjadi landasan, iaitu bagi ruang alam tujuannya adalah untuk kestabilan ekologi, manusia dapat mengambilnya sebagai sumber daya tanpa menyakitkan keupayaan reproduksinya. Kematangan merupakan kondisi bagi kestabilan ini. Tetapi kestabilan perlu dirawat dan dikembangkan dengan lebih lanjut. Dalam ruang manusia, manusia boleh menetapkan sebuah tujuan yang sama, iaitu kesihatan, kesejahteraan mental, spiritual yang dikenali sebagai pembangunan manusia atau realisasi diri. Hal yang serupa untuk ruang sosial dan juga ruang dunia. Kematangan sistem hanya menjadi syarat kelangsungan sebuah pembangunan.

Pembangunan sebagai sebuah program, teori dan praktikal yang memiliki implikasi terhadap semua negara di dunia. Bukan formula bipolar yang selamat daripada kolonialisme. Sebuah formula yang lebih baik menurut Galtung ialah, semua negara mengalami kegagalan dalam pembangunan melalui cara yang berbeza dan kegagalan pembangunan muncul dalam pelbagai ruang.

#### PENGURUSAN PEMBANGUNAN ETNIK DALAM NOVEL TERPILIH

Isu pembangunan etnik merupakan isu serius yang sering dibincangkan di peringkat nasional. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan isu ini ditangani dengan baik oleh semua pihak. Persoalannya, bagaimanakah penggiat sastera tanah air memainkan peranan menguruskan pembangunan etnik dalam karya sastera yang dihasilkan? Tipologi atau kajian kedamaian pengurusan pembangunan etnik ini menumpukan kepada usaha pengkarya sastera menguruskan pembangunan etnik dalam karya yang dihasilkan. Karya kreatif bukan tercipta daripada kekosongan kerana setiap satu mempunyai asas yang berupa detik hati pengarang atau penyair untuk merakamkan realiti kehidupan manusia. (Phat a/l Awang Deng 2015: 377). Realiti kehidupan bermasyarakat, berinteraksi, berhubungan antara satu sama lain, menjalankan kegiatan ekonomi, berharmoni dipaparkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam karya sastera.

Berdasarkan beberapa buah novel yang diteliti, didapati ada dan wujudnya kecenderungan pengarang menguruskan pembangunan etnik dengan memasukkan elemen hubungan etnik atau

perpaduan dalam novel yang dihasilkan. Novel *Menteri* karya Shahnnon Ahmad (1967) misalnya, menunjukkan Shahnnon menguruskan pembangunan etnik Melayu melalui watak utama Bahadur yang tertekan memikirkan masa depan bangsa Melayu yang dirasakan terancam kerana sikapnya yang lemah iaitu tidak tegas, tiada keyakinan diri dan tidak berani bertindak. Tekanan tersebut telah membawa kepada mimpi yang dahsyat. Dalam mimpi tersebut, beliau telah melihat orang-orang berkulit sawo matang ditinggalkan dalam hutan belantara yang gelap gelita, mereka terpaksa berusaha sedaya upaya membangunkan kehidupan dalam keadaan yang sangat daif dan primitif. Waktu itu juga, bandar-bandar besar dikuasai oleh orang berkulit kuning dan berhidung pesek. Bandar itu diawasi oleh naga bermata bulat dengan mulut yang sangat besar dan ekor yang panjang. Naga-naga tersebut menelan anak-anak sawo matang. Kerana marah yang amat sangat, rakyat sawo matang bangun memberontak menyerang Bahadur yang dikatakan menjadi punca. Perasaan bersalah hingga membawa kepada mimpi, menunjukkan bahawa watak utama ini sedang melakukan refleksi diri. Refleksi diri menurut Galtung (2003), merupakan fikiran yang bertindak di pusat emosi, melalui kemahuan, kognisi, jiwa sebagai pusat refleksi dalam banyak perkara, termasuklah emosi, kemahuan dan kognisi antara diri sendiri dengan orang lain. Daripada konteks hubungan etnik pula, menurut Zurinah Hassan (2015: 370), seperti penulis lain dan seperti halnya dengan penulis-penulis lain, Shahnnon mengungkapkan pengalaman yang paling dekat dengan diri dan bangsanya. Menurut beliau lagi, sastera ialah suara hati seniman untuk mencari kekuatan bangsa dan kekuatan ini sering kali dicari dan digali daripada nilai-nilai masa lalu.

Kesusasteraan mempunyai potensi yang besar – dalam konteks mengisi keperluan masyarakat majmuk – untuk membentuk satu corak masyarakat bangsa Malaysia yang berjati diri. Budaya yang teguh menunjangi bangsa akan mencerahkan peluang kemajuan dan memperoleh kestabilan yang berkekalan (Lim Swee Tin 2015: 356). Seterusnya, kupasan terhadap novel *Meniti Impian* karya Osman Ayob (2018). Novel ini menunjukkan wujudnya hubungan baik antara masyarakat Cina yang diwakili oleh Tauke Lim dengan masyarakat Melayu dengan menyokong antara satu sama lain. Perhatikan petikan di bawah;

“Saya ambil kursus Pertukangan Perabotlah tauke.” jelas Zahar sesudah terdiam seketika.

Tauke Lim sekali lagi menoleh, meraih sinar matanya ke wajah Zahar.

“Lu banyak pandai, Zahar,” puji Tauke Lim seraya memandang Pak Yusuf.

“Yusuf, lu juga banyak pandai bikin ini rancangan. Gua percaya, lepas Zahar keluar IKM nanti, lu mesti mahu besarkan lu punya bengkel bikin perabot baik-baik, cantik punya, tentu boleh jual rata-rata tempat.

(*Meniti Impian* 2018: 52)

Berdasarkan petikan tersebut, Osman Ayob menunjukkan kemesraan bangsa Cina dengan bangsa Melayu. Perkara penting melalui bait ayat ini ialah pengarang meletakkan perpaduan kaum pada lunas yang santai dan bersahaja, supaya mudah difahami oleh masyarakat pembaca. Bahasa pasar digunakan untuk menunjukkan kemesraan. Bahasa daerah dan pasar wujud daripada manifestasi komunikasi antara berbagai-bagai kaum yang tidak berupaya menuturkan bahasa baku dan gramatis. Bahasa ini merupakan bahasa komunikasi bersifat situasi dan diucapkan oleh manusia tertentu. Pengarang selalunya menggunakan dialog bahasa pasar untuk merealistikkan latar dan perwatakan dalam sesebuah karya (Mana Sikana 2013: 133). Cerita yang disampaikan juga menyumbang pemahaman yang halus dan sampai untuk dihayati. Gambaran kemesraan ini dapat menerbitkan perasaan harmoni, muhibah, prihatin, dan saling bersefahaman. Hubungan ini termasuk dalam ruang sosial, sebagaimana yang disebutkan oleh Galtung (2003), hubungan interaksi manusia semakin berkurangan dalam diversiti dan simbiosis. Namun begitu, melalui hubungan interaksi yang diwujudkan tanpa mengira bangsa, etnik dan budaya, hubungan interaksi yang berkurangan boleh diperingkatkan secara tidak langsung.

Selain itu, fokus kajian pembangunan adalah terhadap aspek ekonomi dari ruang sosial manusia dengan meneliti kemampuan manusia untuk menyamai atau melebihi masyarakat tertentu yang dianggap maju (Galtung 2003). Dalam novel *Meniti Impian* juga turut diperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu berusaha untuk menguruskan pembangunan ekonomi. Daripada sebuah kedai perabot buruk, dengan ilmu yang betul dan dana yang diperolehi, kedai perabot tersebut berjaya berkembang maju sehingga memperoleh kepercayaan bangsa lain untuk melakukan urusan urus niaga. Petikan-petikan di bawah ini menunjukkan perkara tersebut;

“Minggu lepas aku ke kedai Tauke Lim tu, baiki basikal. Dah nak jadi rezeki, dialah yang menempah almari ni,” jelas Pak Yusuf sambil memandang kepingan papan yang sudah diketam licin, tersusun di tepi rangka almari bersaiz lebar. Hati Zahar dibungai rasa gembira. Seingat-ingatnya inilah kali pertama seorang tauke Cina di pekan menempah perabot buatan Pak Yusuf.

(*Meniti Impian* 2018: 52)

Siapakah yang menempah meja ni, pak cik?”

Siapa lagi, Tauke Limlah,” ujar Pak Yusuf, terhenti seketika daripada kerjanya.

“Apa nak dibuatnya dengan meja kayu ni?” soal Zahar, hairan.

“Tauke tu dah beli satu lot kedai di pekan baharu tu. Katanya mahu buka kedai kopi pula,” terang Pak Yusuf sambil meneruskan kerjanya. “Selalunya kedai kopi guna meja bulat aluminium.

Boleh lipat dan boleh buka. Selain itu, ringan pula.” Zahar meluahkan rasa hairannya, bagaimana Tauke Lim mahu buka kedai kopi guna meja kayu pula?

“Pak cik juga mula-mula rasa hairan. Tetapi, bila dia sendiri beritahu mahu buat perubahan di dalam kedai baharunya itu, pak cik akur.

(*Meniti Impian* 2018: 52)

Dalam hal ini, penulis karya sastera membicarakan pelbagai isu yang berkaitan isu kemasyarakatan, sosial dan ekonomi, yang mengarah kepada kebaikan dan penyatuan hubungan berlainan bangsa dan etnik, melalui sokongan antara satu sama lain. Misran Rokimin (2006: 63) turut menyebut “konsep pembangunan manusia itu tidak semata-mata sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan hidup manusia ke tahap maksimum dalam aspek-aspek duniawi semata-mata.”

Seterusnya, pengurusan pembangunan hubungan etnik diteliti melalui novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain (1980), walaupun konsep hubungan etnik tidak begitu jelas dan bukanlah tema utama dan merupakan tema sampingan, usaha penulis untuk menguruskan pembangunan hubungan etnik dalam novel ini wajar diberi pujian. Tumpuan jalan cerita tidak hanya diberikan kepada satu kaum yang dominan. Hubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat India diperlihatkan sebagaimana petikan dialog di bawah;

“Susah mau mendapat tukang kebun yang rajin serupa itu,” kata lagi Dr. Nathan. Hatinya benar-benar tertarik kepada Hilmi. Kalau mereka tidak mau, maulah dia mengambalnya, dia bersedia mau membayar gaji yang lebih kalau pemuda itu mau.

(*Konserto Terakhir* 1980: 23)

“Berapa gaji yang Datuk berikan kepadanya?”  
“Gaji?” Datuk Johari bagai tersentak. Bagai orang yang sedang nyenyak tidur dibangunkan tiba-tiba.  
“Ya, gajinya?” ulang lagi Doktor itu.  
“Berapa Yang?” Datuk Johari berpaling memandang muka isterinya, pura-pura lupa.  
Tapi dia...” Hayati mau menyampuk lagi.  
“Sikit saja, doktor.”  
“Tukang kebun yang serupa itu kalau dia benar-benar rajin, mesti diberi gaji mahal. Gaji lebih sedikit kita tak rugi. Lihat, kebun sayur di belakang itu. Lihat betapa dia menyusun pasu-pasu bunga Datin. Ada artistik.

(*Konserto Terakhir* 1980: 23)

Dia lalu menutup pintu pagar itu dan ketika mau berjalan ia dipanggil oleh Dr. Nathan.  
“Hilmi!”  
Hilmi berpaling, dia melihat Dr. Nathan sedang berdiri di tepi pagar bambu yang memisah perkarangan rumahnya dengan perkarangan rumah Datuk Johari.  
Ya, tuan doktor?”  
“Kalau ada apa-apa yang saya boleh tolong, jangan lupa beritahu.”  
Hilmi terpegun mendengar kata-kata doktor itu. Perasaan keharuan menjeluak naik. Ia terperanjat mendengar kata-kata yang lembut serupa itu dari seorang yang tidak ada hubungan apa-apa. Ia tidak dapat berkata-kata, hanya menganggukkan saja kepalanya sambil memberikan sebuah senyuman yang jujur.

(*Konserto Terakhir* 1980: 50-51)

Melalui ungkapan dialog dan petikan ini, hubungan antara etnik disuburkan dengan perasaan saling melengkapi antara satu sama lain, prihatin, menghargai dan menunjukkan walau sesiapa pun dan di taraf mana sekalipun seseorang itu, seandainya layak diberi penghargaan, maka penghargaan itu wajar diberikan tanpa mengira darjat, pangkat, tahap pendidikan, dan perbezaan etnik. Ini yang disebutkan oleh Galtung (2003, 1996) untuk tipologi pembangunan iaitu, di sisi lain, masyarakat sangat berbeza yang di dalam diri mereka sendiri terdapat komponen-komponen yang berbeza, semua ini berada dalam siklus interaksi yang sangat kompleks, dengan mengembangkan sejumlah besar komponen atau kecenderungan yang sangat beragam dalam cara yang sangat berbeza, yang menggabungkan, melengkapi antara satu sama lain juga dalam cara-cara yang berbeza (Galtung 2003: 415). Dapatan memperlihatkan pengurusan pembangunan sangat penting untuk merealisasikan kod atau kosmologi sesebuah budaya, hubungan etnik, melalui ruang alam, manusia, sosial, dunia, kebudayaan, dan waktu. Berdasarkan beberapa buah novel yang dikaji secara ringkas ini, didapati aspek ini kurang ditonjolkan oleh pengarang, seterusnya

menunjukkan kelemahan yang perlu dibaiki oleh pengkarya sastera.

## KESIMPULAN

Kajian ini merupakan usaha untuk meneliti pengurusan pembangunan hubungan etnik melalui novel yang dipilih secara rawak. Kajian ini penting untuk dijalankan kerana pengertian hubungan etnik yang difahami terdapat keterbatasan konseptual. Oleh sebab itu, sangat penting untuk merumuskan semula konsep-konsep yang ada dalam hubungan etnik dengan lebih mendalam dan menyeluruh (holistik) melalui kajian terhadap teks sastera. Tipologi pengurusan pembangunan hubungan etnik adalah untuk memahami hubungan etnik yang dihadirkan dalam novel. Kehidupan kemasyarakatan yang berisi hubungan etnik, terlihat antara watak dalam novel, dengan berbagai-bagai perspektif melalui konsep kedamaian, konflik, pembangunan, dan peradaban mengikut tipologi pengurusan pembangunan menurut perspektif Johan Galtung tanpa mengabaikan nilai estetik teks sastera. Kajian ini merupakan pertimbangan alternatif untuk menjadikan karya sastera sebagai bahan bacaan wajib bagi menambah kefahaman terhadap hubungan etnik. Secara praktikalnya pula, kajian ini memberikan sumbangan besar untuk merealisasikan hasrat pengekaln hayat damai hubungan etnik dengan memahami kedamaian, konflik, pembangunan dan peradaban hubungan etnik itu sendiri. Kesimpulannya, tipologi pengurusan pembangunan etnik dalam novel terpilih hanya mewakili sebahagian kecil realiti yang berlaku dalam masyarakat dan dalam ruang manusia. Kematangan sistem merupakan kondisi kesihatan fizikal, mental, spiritual yang akhirnya dikenali sebagai pengurusan “pembangunan manusia” atau “realisasi diri”. Selain itu, pengarang perlu melakukan pelbagai inisiatif penambahbaikan untuk menguruskan pembangunan hubungan etnik dalam karya. Terlalu sedikit usaha yang dilakukan hingga hal tersebut tidak jelas kelihatan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan, agar konsep hubungan etnik itu menjadi hal paling utama ditekankan oleh pengarang.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah di bawah tajaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah geran FP087-2018A.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. 1980. *Konserto Terakhir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Balamuralithara Balakrishnan. 2017. A novel module for cultivate unity and harmony in multicultural society through arts education. *Journal for Multicultural Education* 11(4): 306-322.
- Chew Fong Peng. 2003. Peranan sastera kebangsaan dan persepsi dalam pembentukan perpaduan nasional: Satu kajian di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Chew Fong Peng. 2008. Persepsi khalayak terhadap pendidikan sastera perpaduan. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu (SARI)* 3-25.
- Johan Galtung. 2003. *Studi Perdamaian: Perdamaian, Konflik, Pembangunan, dan Peradaban*. Terj. Asnawi & Safruddin. Indonesia: Pustaka Eureka.
- Johan Galtung. 1996. *Peace by Peaceful Means*. Oslo: International Peace Research Institute.
- Lim Swee Tin. 2015. Pemajmukan sastera: Menjanakan perpaduan bangsa. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.). *Sastera Teras Negara Bangsa*. Edisi Kemas kini, hlm. 353-366. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mana Sikana. 2013. *Berdiri di Akar Diri, Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Misran Rokimin. 2006. *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan menerusi Novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur'Ainy Ali. 2007. Kesusasteraan dan anda, generasi muda dan penerusan tradisi. Dlm. Jelani Harun (Eds.), *Ilmu kesusasteraan abad ke-21* (pp.29-35). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Osman Ayob. 2018. *Meniti Impian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phat a/l Awang Deng. 2015. Perbezaan dan kepelbagaian; pemahaman dan penyatuan: makna tersurat dan tersirat dalam karya penulis pelbagai kaum. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.). *Sastera Teras Negara Bangsa*. Edisi Kemas kini, hlm. 353-366. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Rosli Ibrahim. 2016. Analisis konsep perpaduan kaum dalam novel terpilih Abdullah Hussain. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Shannon Ahmad. 1967. *Menteri*. Alor Setar: Dinas Penerbitan Pustaka Sekolah.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2014. *Dahsyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zanyar Kareem Abdul & Jul. 2016. The race dynamics and the question of nationalism in Lloyd Fernando's *Green is the Colour* (1993). *International Journal of Scientific & Engineering Research* 7(6).
- Zurinah Hassan. 2015. Pemajmukan sastera demi perpaduan. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.). *Sastera Teras Negara Bangsa*. Edisi Kemas kini, hlm. 367-376. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Maznida Mahadi  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mel: maznida.mm@gmail.com
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mel: inmarlin@um.edu.my
- Mardian Shah Omar  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mel: b1salina@um.edu.my
- Diserahkan: 15 November 2020  
Diterima: 16 Ogos 2021